

MEDIA CLIPPING

Client :	Grand Flo Solution	Date :	26 June 2009
Media :	Utusan Malaysia	Section :	Business
Language :	Malay		

“Grand-Flo targets RM2.2 million profit”

Grand-Flo bakal untung RM2.2 juta

PETALING JAYA 25 Jun – Grand-Flo Solution Bhd. (Grand-Flo) bakal mendapat jaminan keuntungan sebanyak HK\$5 juta (RM2.29 juta) melalui pemilikan 100 peratus CL Solutions (China) Ltd. (CL Solutions), pada tahun ini.

Presidennya, Derrick Tan berkata, pemilikan itu juga akan menjadikan Grand-Flo sebagai penyedia penyelesaian dalam bidang pengesanan bersepadu di rantau ini.

“Tahun ini merupakan tahun yang mencabar kepada Grand-Flo dengan krisis eko-

nomi global telah menjejaskan prestasi kewangan syarikat pada suku pertama.

“Namun dengan sumbangan CL Solution itu, Grand-Flo yakin dapat mengekalkan pertumbuhan positif bagi keputusan kewangan keseluruhan pada tahun ini,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akhbar selepas Mesyuarat Agung Tahunan syarikat di sini hari ini. Hadir sama Naib Presiden Operasi, Yap Li Li.

Pembelian kesemua kepentingan CL Solutions sebanyak HK\$25 juta (RM10.64 juta) adalah susulan

daripada perjanjian jual beli yang dimeterai oleh syarikat dengan pemilik asal CL Solutions pada 10 September tahun lalu.

Pemilikan kepentingan itu dilaksanakan melalui dua kaedah iaitu menerusi tunai sebanyak HK\$13.75 juta (RM5.85 juta) untuk tempoh dua tahun daripada jaminan keuntungan manakala baki melalui terbitan saham sebanyak 11.40 juta saham baru Grand-Flo untuk pembayaran baki HK\$11.25 juta (RM4.79 juta).

Tambah Derrick, sedikit pemulihan akan dapat dilihat bagi prestasi kewangan syarikat dengan pemulihan antara 70 peratus hingga 80 peratus.